



KENYATAAN SEBUTHARGA MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

- a) Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat/pembekal Bumiputera yang berdaftar dengan Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan mempunyai Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia dan Pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja berikut :-

	NO. SEBUTHARGA	TAJUK PROJEK	GREED & PENGKHUSUSAN	TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK (WAJIB)	HARGA (RM)	TARIKH JUAL DAN TUTUP
1.	MPS/SH/03/17	Cadangan Kerja-Kerja Perkhidmatan Memungut Serta Melupuskan Sampah, Pembersihan Dan Membekal Tong Sampah Bagi Kawasan Sekitar Batu Caves Sempena Perayaan Thaipusam Bagi Tempoh 10 Hari (6hb Februari 2017 Hingga 15hb Februari 2017)	Berdaftar Dengan Kementerian Kewangan Malaysia, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Dan Majlis Perbandaran Selayang 221002 & 221003 (Membersih Kawasan & Mengangkat Sampah)	16 Januari 2017 (Isnin), berkumpul di Lobi Menara Majlis Perbandaran Selayang pada jam 2.30 Petang. (Hanya penama di dalam lesen / pemilik syarikat sahaja yang dibenarkan hadir)	80.00	16/01/2017 hingga 23/01/2017

- b) Dokumen Sebutharga boleh didapati di Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan, Tingkat 6, Menara Majlis Perbandaran Selayang, dari jam 8.30pagi – 12.45tengahari, 2.15petang – 4.30petang (Isnin– Khamis), 8.30pagi –11.45tengahari, 3.00petang – 4.30petang (Jumaat).
- c) Bayaran dokumen sebutharga akan dikenakan **6% Goods & Services Tax (GST)**. Bayaran boleh dibuat **secara tunai** di Majlis Perbandaran Selayang (bayaran ini tidak akan dikembalikan).
- d) Dokumen Sebutharga akan dikeluarkan kepada syarikat/pembekal atau wakil yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil – wakil syarikat/pembekal dikehendaki membawa bersama-sama **Surat Wakil Kuasa**.
- e) Syarikat/pembekal yang berminat hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL DAN SALINAN** yang masih sah tempoh untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen :
- i) Sijil Pendaftaran Asal **Kementerian Kewangan Malaysia**
 - ii) Salinan perakuan Pendaftaran dengan **Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)**
- f) Taklimat dan lawatan tapak adalah **diwajibkan** dan akan diadakan pada **16 Januari 2017 (Isnin)**, bertempat di **Lobi Menara Majlis Perbandaran Selayang** pada jam **2.30 petang**. **Hanya penama di dalam lesen / pemilik syarikat sahaja yang dibenarkan hadir** taklimat dan lawatan tapak serta kehadiran akan dicatatkan sebagai salah satu syarat kelayakan sebutharga.
- g) Dokumen Sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan, Tingkat 6, Menara Majlis Perbandaran Selayang, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan** tidak lewat dari jam **12.00** tengahari pada tarikh tutup sebutharga.
- h) Untuk maklumat lanjut sila hubungi Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan di talian **03-6126 5838**.

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**